



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368199

Bil. : KEW.400-8/2026-2027/1

Tarikh : 17 Mac 2026

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah (Kecil)

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.5/2026
CADANGAN DAN PEMERIKSAAN ANGGARAN PERBEKALAN SABAH 2027

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara tersebut di atas.

... 2. Bersama ini disertakan pekeliling tersebut untuk kemudahan rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan yang sewajarnya. Pekeliling ini juga boleh didapati melalui laman sesawang rasmi Kementerian Kewangan Negeri Sabah (<https://mof.sabah.gov.my/#PEKELILING>).

3. Sehubungan dengan itu, semua Pegawai Pengawal perlu mengambil perhatian terhadap **Para 9.0 – Tarikh penerimaan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Perbekalan Tahun 2027 seperti di Para 9.1.**

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'MALAYSIA MADANI'

Saya yang menjalankan amanah,

(CHEE SHOK TING)

Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan)
Kementerian Kewangan Sabah



KEW.400-8/2026-2027/1
17 Mac 2026

- s.k. YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun,
Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kewangan,
Kementerian Kewangan Sabah,
Blok C, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- “ YB Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- “ Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Bahagian Pengurusan Belanjawan,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR
- “ Setiausaha Persekutuan,
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah,
Jabatan Perdana Menteri, Blok A, Aras 7,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Beg Berkunci No. 2063, Jalan UMS,
88400 KOTA KINABALU
- “ Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7-10, Blok B,
Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88646 KOTA KINABALU
- “ Semua Badan-Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan

“SABAH MAJU JAYA”



NEGERI SABAH

KEW.400-8/2026-2027/1

**Kementerian Kewangan Sabah,
13 Mac 2026**

KEPADA : Semua Setiausaha Tetap,
Semua Ketua Jabatan,
Semua Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah (Kecil)

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL.5/2026 CADANGAN DAN PEMERIKSAAN ANGGARAN PERBEKALAN SABAH TAHUN 2027

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan:

- (i) Memaklumkan mengenai strategi perbelanjaan dan pengurusan kewangan, kawalan perbelanjaan serta penyediaan hasil; dan
- (ii) Memberi garis panduan penyediaan dan pemakluman tarikh-tarikh penting kepada semua Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan berkenaan penerimaan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbekalan Tahun 2027;

2.0 STRATEGI PERBELANJAAN KERAJAAN SABAH

- 2.1 Selaras dengan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2.0, fokus perbelanjaan Kerajaan Sabah adalah mengutamakan usaha peningkatan ekonomi dan pembangunan negeri melalui strategi seperti yang berikut:

“SABAH MAJU JAYA”

- (i) Mempercepatkan pembangunan sektor produktif utama iaitu perindustrian dan perdagangan, pelancongan dan pertanian ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan;
- (ii) Meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan ketidakseimbangan sosio ekonomi melalui pembangunan bersifat inklusif;
- (iii) Meluaskan liputan dan kualiti infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas ke arah merangsang pembangunan dan perkembangan sosio-ekonomi;
- (iv) Mempergiatkan pelaksanaan program-program pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan dan kesejahteraan rakyat;
- (v) Memesatkan pembangunan modal insan sebagai agen dan pemangkin kepada pertumbuhan serta penyertaan dalam ekonomi moden dan meningkatkan daya saing;
- (vi) Mempergiatkan pelaksanaan program-program sosial dan kebajikan secara berkesan; dan
- (vii) Menekankan Program Transformasi Digital ke arah mencapai "Smart Digital Government".

3.0 STRATEGI PENGURUSAN KEWANGAN

- 3.1 Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan, mulai tahun 2026 kerajaan telah melaksanakan penyelarasan semula terhadap jenis perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus. Sehubungan dengan itu, semua Kementerian dan Jabatan hendaklah memastikan semua perbelanjaan yang dibuat adalah mematuhi jenis perbelanjaan yang ditetapkan.
- 3.2 Kerajaan Sabah akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan negeri berdasarkan strategi yang berikut:
- (i) Meningkatkan dan mempelbagaikan sumber hasil Kerajaan melalui pewujudan program aktiviti yang boleh menjana hasil baharu kepada Kerajaan Sabah;
 - (ii) Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan sektor awam dan merasionalisasikan pengurusan sumber dan perkhidmatan;
 - (iii) Memastikan keberkesanan (*impact*) dan keberhasilan (*outcome*) program dan projek untuk manfaat rakyat; dan
 - (iv) Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian bagi memantapkan persekitaran perniagaan dan pelaburan swasta yang kondusif.
- 3.3 Bagi memastikan keberkesanan Strategi Pengurusan Kewangan, Pegawai Pengawal hendaklah memberi tumpuan terhadap tanggungjawab utama seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian institusi sektor awam, memperkukuhkan tadbir urus, meningkatkan produktiviti dan membantu dalam memperkukuhkan sumber kewangan negeri;
- (ii) Memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh selaras dengan semua Prosedur dan Peraturan Kewangan serta Pentadbiran yang berkuatkuasa;
- (iii) Mengurus wang awam dengan cekap dan teratur dari segi pemungutan, penerimaan, penyimpanan dan pembayaran;
- (iv) Mengurus aset awam dari segi perolehan, penerimaan, penyimpanan, penyelenggaraan dan pelupusan dengan teratur dan sempurna;
- (v) Melaporkan kepada Kementerian Kewangan Sabah sekiranya berlaku perbelanjaan di luar Peraturan Kewangan dan sebarang kes kehilangan atau kerugian kepada Kerajaan yang disebabkan oleh salah laku atau kecuaiannya pegawai di bawah kawalannya. **Tindakan tatatertib atau surcaj akan diambil terhadap Pegawai Pengawal yang gagal berbuat demikian;**
- (vi) Selain itu, Kementerian Kewangan Sabah akan mula menguatkuasakan pengurusan pembayaran melalui Arahan Perbendaharaan 59 (AP.59). AP.59 merupakan satu tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi telah menyalahi Peraturan Kewangan yang berkuatkuasa. Di samping itu, AP.59 juga bertujuan untuk menentukan punca berlakunya perolehan yang telah menyalahi Peraturan Kewangan serta mengesyorkan tindakan surcaj atau/dan tatatertib ke atas pegawai bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, Pekeliling akan dikeluarkan bagi memberi panduan dan penjelasan berkaitan AP.59 supaya pengurusan pembayaran dapat dikendalikan dengan teratur, cepat dan berkesan;

- (vii) Semua perbelanjaan perlu dirancang lebih awal untuk memastikan tiada perbelanjaan berlebihan berlaku pada tahun semasa; dan
- (viii) Memastikan semua perbelanjaan adalah mematuhi peraturan yang terkandung dalam Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Peraturan-peraturan Kewangan yang sedang berkuatkuasa.

3.4 Kementerian Kewangan Sabah juga menekankan kaedah-kaedah kawalan perbelanjaan menerusi pengeluaran surat-surat pekeling berhubung dengan pengurusan kewangan dan akaun dari semasa ke semasa. Pemeriksaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di peringkat Kementerian dan Jabatan perlu diteruskan dan dipertingkatkan bagi mengukuhkan lagi kecekapan dan keberkesanannya. **Laporan Prestasi Perbelanjaan Bulanan dan Laporan Suku Tahunan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun** hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Sabah mengikut jadual yang telah ditetapkan.

3.5 Peruntukan Tambahan (ASP), Pindahan Peruntukan (*Virement*) dan Pendahuluan Diri (AP.54)

- (i) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan peruntukan tahunan yang telah diluluskan dibelanjakan secara optima. Sebarang permohonan ASP hendaklah mengambil kira komitmen sedia ada dengan memberi keutamaan kepada baki

AP.54 yang tertunggak dan memastikan ASP yang diluluskan dibelanjakan sepenuhnya.

- (ii) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan *Virement* yang dibuat tidak akan menjejaskan keperluan vot yang dipindah keluar (*vire-out*). Pindahan keluar sepenuhnya (100%) dan melibatkan **kod objek** yang berlainan perlu mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan Sabah. Manakala, *Virement* yang melibatkan **kepala vot** yang berlainan di bawah Pegawai Pengawal yang sama adalah tidak dibenarkan.
- (iii) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan permohonan AP.54 bagi perbelanjaan yang telah komited sahaja. Sebarang permohonan untuk tujuan perbelanjaan yang belum dilakukan adalah tidak dibenarkan. Penyelesaian AP.54 yang telah diluluskan **wajib** dibuat dalam tahun semasa.
- (iv) Bermula tahun 2026, selaras dengan usaha kawalan perbelanjaan, semua kelulusan pembayaran di bawah AP.54 adalah tertakluk kepada tempoh sah laku selama dua (2) bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- (v) Manakala kelulusan penyelesaian AP.54, termasuk kelulusan ASP bagi tujuan penyelesaian AP.54, adalah tertakluk kepada tempoh sah laku selama satu (1) bulan daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan.
- (vi) Sekiranya kelulusan masih diperlukan, permohonan baharu boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Sabah dengan memberi justifikasi dan alasan munasabah yang menyebabkan surat kelulusan terdahulu tidak dapat digunakan dalam tempoh sah tersebut.

- (vii) Laporan penggunaan kelulusan AP.54 perlu dikemukakan pada bulan yang berikutnya. Surat Kelulusan Penyelesaian AP.54 yang tidak digunakan juga hendaklah dimaklumkan.
- 3.6 Semua teguran laporan Ketua Audit Negara, Jabatan Bendahari Negeri Sabah dan Pengarah Jabatan Audit Dalam Negeri hendaklah diberi perhatian serius dengan mengambil tindakan **serta merta**.
- 3.7 Berasaskan strategi kawalan perbelanjaan tahunan, pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) hendaklah mengambil kira keupayaan sumber dan kemampuan kewangan Kerajaan Sabah.
- 3.8 Merujuk kepada Pekeliling Kewangan Bil. 4 Tahun 2005, untuk penyediaan cadangan perbelanjaan Badan-badan Berkanun di bawah seliaan Kementerian/Jabatan berkaitan Pengurusan Badan-Badan Berkanun Sabah adalah tertakluk kepada Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997 dan surat Pekeliling semasa berkaitan dengannya bagi mendukung Dasar Tadbir Urus Baik Negeri.
- 3.9 Bagi Syarikat Milik Kerajaan Sabah (GLC), Pegawai pengawal Kementerian perlu memastikan semua GLC di bawah seliaan masing-masing dipantau dan sentiasa merekodkan prestasi kewangan dan mengamalkan tadbir urus yang baik. Kerajaan Sabah tidak terikat untuk memperuntukkan sebarang dana bagi membiayai perbelanjaan pengoperasian GLC.

4.0 ANGGARAN HASIL

4.1 Jadual Pegawai Pengawal

- (i) Senarai Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab untuk menyediakan Cadangan Anggaran Hasil adalah seperti di dalam jadual **Lampiran I**.
- (ii) Semua Pegawai Pengawal hendaklah peka terhadap kod hasil di bawah kawalan Kementerian/Jabatan masing-masing.

4.2 Penyediaan Anggaran Hasil

Bagi penyediaan Anggaran Hasil, Pegawai Pengawal hendaklah berpandukan **Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.1 Tahun 2022: Menambah Baik Pengurusan Pungutan Hasil Kerajaan Negeri** rujukan KEW.100-4/4 Jld.9 bertarikh 25 Februari 2022, para 5,6,7 dan 9 yang telah diringkaskan seperti berikut:

- (i) Cadangan Anggaran Hasil Tahunan hendaklah disediakan dengan melengkapkan Borang F.S.6 secara dalam talian melalui Modul Anggaran Hasil dalam Aplikasi Sistem Pengurusan Peruntukan dan Pembayaran (**S3P-SISVOT**);
- (ii) Anggaran bagi setiap kod hasil hendaklah disediakan berdasarkan analisis tren peningkatan atau penurunan serta disokong dengan justifikasi yang kukuh dan realistik termasuk:
 - (a) Semakan kadar hasil;
 - (b) Mengenal pasti sumber hasil baharu;
 - (c) Inisiatif bagi menambah baik pungutan hasil yang sedia ada; dan
 - (d) Jumlah tunggakan hasil yang berpotensi untuk dipulihkan.

- (iii) Semua hasil yang dipungut hendaklah dikreditkan di dalam kod hasil yang bersesuaian. Jika tiada kod hasil yang sesuai, Pegawai Pengawal hendaklah memohon pewujudan kod hasil baharu dengan justifikasi yang kukuh kepada Kementerian Kewangan. Manakala bagi pungutan hasil yang tidak konsisten atau *ad-hoc* memadai dikreditkan di dalam kod hasil pelbagai sahaja.

4.3 Perkara-Perkara Yang Perlu Diberi Perhatian Dalam Penyediaan Anggaran Hasil

- (i) Setelah Borang F.S.6 dilengkapkan, **satu salinan bercetak** hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Sabah selewat-lewatnya pada **10 Julai 2026(Jumaat)**;
- (ii) Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi maklumat dalam pekeliling di atas agar pengurusan pungutan hasil Kerajaan Sabah dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kegagalan berbuat demikian membolehkan Kementerian Kewangan Sabah menggunakan budibicara sendiri untuk menentukan sasaran yang bersesuaian;
- (iii) Selain itu, Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memantau serta memastikan anggaran hasil tahunan yang telah diluluskan dapat dicapai dengan mengemukakan Laporan Suku Tahunan Prestasi Hasil dan Laporan Tunggakan Hasil kepada Kementerian Kewangan mengikut tarikh yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.1 Tahun 2022: Menambah Baik Pengurusan Pungutan Hasil Kerajaan Sabah.

4.4 Penerimaan Hasil daripada Syarikat Milik Kerajaan Negeri (GLC) dan Badan-Badan Berkanun Negeri (BBN)

Bagi menjamin tadbir urus Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) yang lebih cekap serta mengoptimumkan kutipan hasil bagi Kerajaan Sabah, adalah wajar bagi GLC dan BBN untuk menitikberatkan perkara-perkara berikut:

- (i) Melaksanakan langkah strategik yang proaktif, holistik, dan berkesan dalam menyelesaikan hutang kepada Kerajaan Sabah; dan
- (ii) Pembayaran dividen dan sumbangan hendaklah disempurnakan dalam tahun semasa, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 60(b) bagi tujuan pengeluaran Resit Am Kerajaan.

4.5 Penutupan Akaun Amanah

Kementerian atau Jabatan yang memiliki Akaun Amanah yang tidak aktif dan telah mencapai matlamat penubuhannya hendaklah memohon kepada Kementerian Kewangan Sabah untuk menutup Akaun Amanah tersebut selewat-lewatnya pada **29 Mei 2026 (Jumaat)** Baki Akaun Amanah yang tidak aktif dan tidak ditutup selepas tarikh tersebut akan dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan, kecuali jika terdapat justifikasi yang kukuh untuk kekal dalam akaun tersebut.

5.0 ANGGARAN PERBELANJAAN

Dalam Belanjawan Tahun 2027, Pegawai Pengawal akan terus dibekalkan dengan peruntukan tahunan untuk diagihkan kepada beberapa Kepala Kot, program dan aktiviti perbelanjaan di bawah kawalan masing-masing. Pendekatan ini akan membolehkan Pegawai Pengawal:

- (i) Menggunakan belanjawan sebagai alat pengurusan;
- (ii) Membuat pengagihan peruntukan mengikut keutamaan dan pelaksanaannya sejajar dengan akauntabiliti di peringkat Kementerian/Jabatan masing-masing; dan
- (iii) Menggunakan peruntukan bersesuaian dengan objektif perbelanjaan dan sasaran yang telah ditetapkan.

6.0 STRATEGI KAWALAN PERBELANJAAN

6.1 Pegawai Pengawal perlu memberi perhatian kepada pengurusan dan disiplin belanjawan dengan mengambil kira strategi seperti berikut:

- (i) Peruntukan yang akan dan telah diluluskan perlu diurus dengan cekap, berhati-hati dan selaras dengan disiplin kewangan yang baik berlandaskan dasar fiskal kerajaan untuk memastikan perbelanjaan awam terus mendokong pencapaian objektif organisasi dan seterusnya dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negeri secara keseluruhannya;
- (ii) Perbelanjaan mengurus hendaklah dikawal agar mencerminkan keperluan sebenar bagi mengelakkan berlakunya pembaziran; dan

- (iii) Memastikan semua aktiviti yang lulus dapat dilaksanakan lebih awal dengan cekap, berhemat dan berkesan mengikut jadual yang ditetapkan agar tidak berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan. **Perbelanjaan pada saat-saat akhir perlu dielakkan.** Penyaluran semula peruntukan tidak akan dipertimbangkan kerana akan menjejaskan peruntukan tahun kewangan semasa.
- (iv) Kementerian/Jabatan yang mempunyai peruntukan penyaluran geran (42000) perlu mematuhi Tatacara Perolehan, Pekeliling Dan Peraturan yang sedang berkuat kuasa. Penyaluran peruntukan dalam bentuk geran bagi maksud penganjuran sebarang aktiviti/program rasmi Kementerian/Jabatan kepada Agensi/Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/Badan Bukan Kerajaan adalah tidak digalakkan dan perlu dikawal.

6.2 Dalam penetapan program Cadangan Anggaran Perbelanjaan, Pegawai Pengawal hendaklah sentiasa mengambil kira panduan asas seperti berikut:

- (i) Memastikan peningkatan produktiviti dan inovasi yang berterusan. Implikasi kewangan dan *value for money* hendaklah sentiasa dititikberatkan;
- (ii) Mengawal pertambahan perjawatan dalam perkhidmatan awam dan memastikan saiz perkhidmatan awam selaras dengan fungsi, skop tanggungjawab semasa Agensi-Agensi Kerajaan berkaitan;

- (iii) Pengisian kekosongan jawatan perlu diselaraskan dengan perancangan strategik tenaga kerja anggota perkhidmatan awam dan berasaskan pertumbuhan minima (*minimal growth*) perbelanjaan emolumen yang mana tidak melebihi 5% setahun;
- (iv) Setiap pengisian jawatan baharu atau jawatan sedia ada di Kementerian/Jabatan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Sabah bersama implikasi kewangan bagi tujuan kawalan dan penilaian peruntukan;
- (v) Pelantikan dan pengisian jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Vot Terbuka perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/2024: Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian. Sehubungan dengan itu, Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan laporan lantikan berserta implikasi kewangan bagi lantikan baharu dan perlanjutan tempoh sedia ada;
- (vi) Bagi pembayaran gaji Pekerja Sambilan Harian yang melibatkan implikasi kewangan melebihi RM100,000.00, Kementerian/Jabatan hendaklah **mewujudkan Program Baharu khusus untuk Pekerja Sambilan Harian (PSH)** bagi pembayaran Elaun Tuntutan (TNT) di Kod Objek 21000 serta pembayaran gaji Kod Objek 29000 ini bertujuan untuk memudahkan kawalan dan pemantauan peruntukan dilaksanakan dengan lebih teratur;
- (vii) Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah yang melaksanakan lantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH), Vot Terbuka dan Kontrak di bawah Akaun Amanah adalah dikehendaki memindahkan perbelanjaan tersebut ke bawah Kod Perbelanjaan Perbekalan bagi memudahkan penilaian peruntukan serta memperkukuh kawalan kewangan;

- (viii) Mengawal perbelanjaan ke atas penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan, utiliti (telefon, air, elektrik, internet) dan sebagainya;
- (ix) Perbelanjaan ke atas upacara/majlis rasmi/perayaan yang dilaksanakan haruslah berdasarkan peruntukan sedia ada. Pembelian pakaian khas untuk upacara/majlis rasmi/ perayaan tersebut adalah tidak digalakkan;
- (x) Bilangan penyertaan kursus/seminar anjuran swasta hendaklah dihadkan dan memberikan keutamaan kepada pegawai-pegawai yang memerlukan peningkatan kemahiran yang berkaitan dengan bidang tugas;
- (xi) Mengurangkan dan mengawal perbelanjaan ke atas pengangkutan dan perjalanan;
- (xii) Pengubahsuaian pejabat hendaklah dielakkan. Sekiranya terdapat keperluan mendesak maka kelulusan Kementerian Kewangan Sabah hendaklah diperoleh terlebih dahulu; dan
- (xiii) Memastikan kebenaran awal Kementerian Kewangan Sabah diperolehi terlebih dahulu bagi perbelanjaan khas Kod Objek 30000 terutama sekali pembelian perkakas, mesin dan kelengkapan pejabat.

7.0 PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS

- 7.1 Bagi memantapkan pengurusan kewangan dan belanjawan, *Budget Review Officer* (BRO) Kementerian Kewangan Sabah akan dipertanggungjawabkan untuk memantau dan seterusnya membantu penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan tahunan di setiap Kementerian/Jabatan.

- 7.2 Kementerian Kewangan Sabah bersama Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah, *Accounting Control Centre* (Jabatan Bendahari Negeri Sabah), *Budget Review Officer* (BRO) Bahagian Belanjawan, Bahagian Perolehan, PUKONSA dan Harta Awam serta Bahagian Pemantauan Agensi Awam dan Pelaburan akan mengadakan sesi libat urus dengan semua Kementerian/Jabatan dalam Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2027.
- 7.3 Bagi menyediakan rancangan Perbelanjaan Mengurus untuk tahun 2027, Pegawai Pengawal hendaklah terus memberi perhatian kepada strategi seperti yang berikut:
- (i) Memastikan program/aktiviti dilaksanakan dengan efektif dan efisien;
 - (ii) Meneliti keupayaan Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan projek/aktiviti melalui penggunaan dan pengagihan sumber secara optimum;
 - (iii) Mengkaji semula mana-mana program dan aktiviti yang mempunyai fungsi yang bertindih;
 - (iv) Meneliti dan mengambil kira pegangan aset dan stor yang sedia ada dan aset pusingan tahunan yang diperlukan sebelum mengemukakan cadangan perolehan aset baharu;
 - (v) Memberikan penekanan terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan awam menerusi latihan dan pembangunan program kemahiran sumber manusia; dan

- (vi) Memastikan Badan-Badan Berkanun mengemukakan laporan penyata kewangan terkini yang telah diaudit bersama cadangan anggaran kepada Kementerian Kewangan Sabah.
 - (vii) Kementerian/Jabatan yang mempunyai peruntukan pemberian dalam negeri perlu memastikan peruntukan dibelanja dan disalurkan mengikut tujuan asal pemberian dan perlu mematuhi proses permohonan dan perolehan serta pekeliling yang sedang berkuatkuasa;
- 7.4 Pegawai Pengawal adalah dikehendaki memeriksa secara teliti cadangan-cadangan di bawah kawalannya untuk memastikan bahawa arahan-arahan yang terkandung dalam Pekeliling ini adalah dipatuhi.
- 7.5 Pegawai Pengawal adalah juga dikehendaki merujuk kepada arahan-arahan dan garis panduan yang ditetapkan dalam Pekeliling berhubung Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah JKM. Bil 1/2016 bertarikh 24 Mac 2016.

8.0 FORMAT PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN PERBEKALAN

- 8.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan cadangan-cadangan anggaran dengan Perbelanjaan Tanggungan dan Perbekalan dengan menggunakan **Aplikasi Sistem Pengurusan Peruntukan dan Pembayaran (S3P)** dan mengemukakan **dua (2) salinan bercetak** daripada Aplikasi S3P kepada Kementerian Kewangan Sabah **beserta justifikasi** seperti yang berikut:

(i)	Ringkasan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Tahun 2026	Lampiran II
(ii)	Anggaran Perbelanjaan Emolumen	Borang F.S 12A dan F.S.12 A(1)
(iii)	Anggaran Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Tanggungan	Borang F.S. 12B dan F.S.12B (1)
(iv)	Perbelanjaan Khas	Borang F.S.13

8.2 Semua cadangan peruntukan bagi sesuatu pecahan kepala (objek) yang tertentu di bawah Perbelanjaan Tanggungan, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas hendaklah ditunjukkan di bawah ruang yang terdapat dalam Borang F.S.12B, F.S.12B (1) dan F.S.13.

8.3 Cadangan dilampirkan berasingan mengikut Pecahan Kepala Perbelanjaan di bawah Perbelanjaan Tanggungan, Perbelanjaan Berulang dan Perbelanjaan Khas. Sekiranya terdapat sebarang perubahan, cadangan hendaklah dikemukakan di dalam lampiran tersebut. Sebarang pertambahan perbelanjaan mestilah dijelaskan sepenuhnya di dalam ruangan 'catatan'.

8.4 Cadangan Anggaran Emolumen keseluruhan hendaklah dikemukakan dalam dua (2) salinan dan disediakan dalam Borang seperti berikut:

(a) Borang F.S.20

(i) Cadangan Anggaran Emolumen bagi semua Kementerian/Jabatan di bawah Gaji-gaji hendaklah ditunjukkan mengikut Bahagian/Unit. Jika penubuhan sesebuah Kementerian/Jabatan ditunjukkan di bawah secara berasingan, maka penubuhan Perkhidmatan Perkeranian hendaklah juga ditunjukkan di bawah unit-unit yang sesuai dan bukan dalam jumlah di vot Gaji-gaji;

- (ii) Semua gred dan kod skim hendaklah diperiksa dengan cermat dan dimasukkan dengan teratur mengikut kaedah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Peruntukan yang mencukupi hendaklah dimasukkan di bawah Gaji-gaji bagi semua jenis elaun yang layak diterima; dan
- (iii) Jawatan-jawatan yang tetap dan berpenyenang akan dicetak dalam tulisan rumi (tegak), manakala jawatan kontrak/sementara dicetak dalam tulisan condong (*italic*) dalam Anggaran Emolumen.

(b) Borang FS.12(A) dan FS.12(A)1

- (i) Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah hendaklah mengemukakan **dua (2)** salinan implikasi kewangan bagi dua (2) keadaan seperti berikut, iaitu:
 - a) Implikasi kewangan berdasarkan **keseluruhan pengisian butiran**, sama ada melibatkan jawatan yang mempunyai penyandang atau tidak. Implikasi kewangan yang mengambil kira keseluruhan pengisian butiran, termasuk jawatan yang mempunyai penyandang dan jawatan tanpa penyandang; dan
 - b) Implikasi kewangan berdasarkan **butiran yang mempunyai penyandang sahaja**.
- (ii) Bagi vot perbelanjaan gaji-gaji, hanya bilangan jawatan-jawatan yang telah diluluskan sahaja dimasukkan tidak termasuk **Vot Terbuka dan Pekerja Sambilan Harian (PSH)**. Peruntukan yang dimasukkan itu hendaklah pada

kadar minima yang dijangka diperlukan sebenarnya bagi tahun semasa. Peruntukan bagi sesuatu jawatan yang tidak atau lewat diisi, tidak perlu dimasukkan di dalam Cadangan Anggaran. Walau bagaimanapun, maklumat berkenaan hendaklah dikemukakan dari semasa ke semasa;

- (iii) Bagi maksud pemeriksaan, sembilan (9) anggaran butiran di bawah Gaji-gaji hendaklah disokong dengan kertas kerja yang mengandungi justifikasi yang munasabah.

(c) Borang Emolumen Laporan Lantikan Pekerja Sambilan Harian (A), Vot Terbuka (B) dan Kontrak (C)

- (i) Sebarang lantikan dan pengisian jawatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dan Vot Terbuka adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/2024: Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian.
- (ii) Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah adalah dikehendaki mengemukakan implikasi kewangan bagi lantikan Pekerja Sambilan Harian (PSH), Vot Terbuka dan lantikan Kontrak pada tahun semasa untuk tahun berikutnya dengan menyatakan secara jelas penggunaan peruntukan di bawah Kod Perbekalan (S) atau Akaun Amanah. Laporan hendaklah dikemukakan melalui pengisian Borang Emolumen Laporan Lantikan Pekerja Sambilan Harian (A), Vot Terbuka (B) dan Kontrak (C) seperti di Lampiran.

9.0 TARIKH PENERIMAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN PERBEKALAN TAHUN 2027

9.1 Jadual bagi mengemukakan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Butir-Butir Yang Diperlukan	Tarikh Akhir
(i)	Cadangan Perbelanjaan Perbekalan Tahun 2027 hendaklah dikemukakan oleh Ketua Jabatan terus kepada Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing.	04 Mei 2026 (Isnin)
(ii)	Cadangan Perbelanjaan Perbekalan Tahun 2027 bagi Pejabat-pejabat Daerah dan Daerah Kecil yang mana Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah adalah Pegawai Pengawal hendaklah dikemukakan terus kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan Sabah.	15 Mei 2026 (Jumaat)
(iii)	Komen dan Syor ke atas cadangan-cadangan bagi semua Vot Perbelanjaan Tanggungan dan Perbekalan Jabatan dan Agensi hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah dan salinan kepada Setiausaha Tetap, Kementerian masing-masing.	15 Mei 2026 (Jumaat)
(iv)	Anggaran Hasil Tahun 2027 dikemukakan kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Sabah.	10 Julai 2026 (Jumaat)

- 9.2 Cadangan Vot Perbelanjaan Tanggungan dan Perbekalan hendaklah dikemukakan menggunakan **Aplikasi Sistem Pengurusan Peruntukan dan Pembayaran (S3P)** dan **dua (2) salinan bercetak** masing-masing seperti yang berikut:

Bil.	Borang	Bilangan
1.	Lampiran II, Borang F.S.12A, F.S.12A (1), F.S.12B dan F.S.13	2 naskhah
2.	Borang F.S.20	2 naskhah


10.0 PENUTUP

- 10.1 Semua Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk memantau penyediaan Anggaran Hasil dan Perbekalan Negeri Tahun 2027 agar teratur dan mematuhi garis panduan serta tarikh-tarikh yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling ini.
- 10.2 Kementerian Kewangan Sabah menghargai kerjasama semua Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan Negeri dalam usaha menyedia dan mengemukakan Cadangan Anggaran Hasil dan Perbekalan Tahun 2027.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'MALAYSIA MADANI'



(DATUK MOND SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Sabah

- s.k. YB Datuk Seri Panglima Masidi Manjun,
Timbalan Ketua Menteri II / Menteri Kewangan,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Blok C, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU
- “ YB Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri,
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU.
- “ Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Bahagian Pengurusan Belanjawan,
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA, KUALA LUMPUR
- “ Setiausaha Persekutuan,
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah,
Jabatan Perdana Menteri, Blok A, Aras 7,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Beg Berkunci No. 2063, Jalan UMS,
88400 KOTA KINABALU
- “ Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7-10, Blok B,
Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88646 KOTA KINABALU
- “ Semua Badan-Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan

RINGKASAN
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN 2027 – 2028
KEPALA:

	Perbelanjaan Sebenar		Perbelanjaan Sebenar sehingga 30/04/2026	Peruntukan diluluskan	Jumlah Anggaran Yang Dicadangkan		Catatan
	2024	2025			2027	2028	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	
Jumlah Emolumen <i>Lihat Nota (a)</i>							
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Berulang Tiap-tiap Tahun <i>Lihat Nota (b)</i>							
Jumlah Perbelanjaan Khas <i>Lihat Nota (c)</i>							
JUMLAH							

Nota-Nota: (a) Seperti diterangkan melalui Kepala Borang F.S.12A dan F.S.12A (1)
(b) Seperti diterangkan melalui peraturan-peraturan Kepala Borang F.S.12B dan F.S.12B (1)
(c) Seperti diterangkan melalui pecahan-pecahan Kepala F.S.13.

CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN EMOLUMEN
KEPALA: KEMENTERIAN / JABATAN

(Contoh) Objek Am/Sebagai/Lanjut (Berdasarkan Program, Aktiviti Jenis Dan Perbelanjaan)	Perbelanjaan Sebenar Tahun 2025 (RM)	Jumlah Peruntukan Diluluskan Tahun 2026 (RM)	Cadangan Anggaran		Justifikasi Permohonan	Catatan
			2027 (RM)	2028 (RM)		
Program:010000	PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN AM					
Aktiviti: 010100	PENTADBIRAN EMOLUMEN PERSONAL					
11101	Gaji Biasa Kakitangan Awam (Gaji-gaji dan Elaun Kementerian Kewangan)					
11000	Gaji dan Upahan					
12101	Elaun Khidmat Awam					
12102	Elaun Bantuan Sewa Rumah					
12103	Elaun Keraian					
12106	Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Gred Khas					
12107	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal					
12109	Bayaran Insentif Tugas Kewangan					
12000	Jumlah Elaun Tetap					
13101	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja					
